

Kenderaan terbabas akibat memandu laju.



Pemandu wanita bukan jaguh di jalan raya

B/H 28/8/12 MS 28

# Sikap berhati-hati, sensitif penyebab kemalangan

**B**erapakah pemandu wanita menjadi punca meningkatnya kes kemalangan di jalan raya? Ramai beranggapan bahawa pemandu wanita menjadi penyebab berlaku kemalangan jalan raya kerana sikap pemanduan mereka yang berbeza dengan pemandu lelaki.

Sebenarnya terdapat banyak salah faham mengenai perbezaan sikap pemandu wanita dan lelaki. Umumnya di Malaysia, orang ramai berpendapat pemandu wanita tidak mematuhi peraturan jalan raya menyebabkan mereka lebih banyak terbabit kemalangan.

Kajian di seluruh dunia membuktikan pendapat ini tidak benar sama sekali. Wujud perbezaan sikap pemandu lelaki dan wanita berbanding apabila mereka berada di jalan raya. Perbezaan ini ialah dari segi kelakuan, tetapi perbezaan kelakuan tidak bermakna wanita lebih banyak terbabit kemalangan.

## Bukti kajian seluruh dunia

Cara pemanduan wanita hanya menyebabkan kesusahan kepada orang lain di jalan raya, bukan menyebabkan meningkatkan kemalangan. Sebenarnya lelaki lebih banyak terbabit kemalangan. Ini adalah fakta yang dibuktikan dalam kajian seluruh dunia di Amerika

Syarikat, Eropah, Australia termasuk negara sedang membangun.

Apa yang penting bukan jumlah kemalangan itu, tetapi apa yang menyebabkan kemalangan itu berlaku. Pemandu wanita biasanya terbabit kemalangan kerana ciri kewanitaan mereka, misalnya mereka hanya memberi perhatian kepada perkara dekat dengan mereka saja, sebaliknya pemandu lelaki biasanya terbabit kemalangan kerana faktor memandu laju.

## Tiga faktor kemalangan

Kemalangan berlaku kerana tiga faktor iaitu sikap agresif, memandu terlalu laju, tidak mematuhi undang-undang jalan raya (selain daripada memandu laju) dan mencari sensasi misalnya hendak menunjuk-nunjuk.

Pemandu lelaki lebih agresif berbanding wanita. Ini adalah sifat semula jadi manusia. Kajian terhadap kebanyakan haiwan juga mendapati haiwan jantan lebih agresif berbanding haiwan betina. Kajian menunjukkan pemandu lelaki tiga kali ganda lebih cenderung untuk menekan hon apabila mendapati kenderaan di hadapannya terlalu perlahan.

Pemandu lelaki juga biasanya lebih anggaran kebolehannya memandu, menyebabkan mereka memandu agresif kerana terlalu yakin dengan kecekapan dimiliki dan tidak terbabit kemalangan, pada hal pemanduannya itu berbahaya. Pemandu lelaki lebih cenderung me-

mandu laju, melebihi had laju dibenarkan.

Kajian membuktikan 83 peratus pemandu lelaki memandu laju, sedangkan wanita hanya 17 peratus. Pemandu lelaki lebih cenderung melanggar peraturan jalan raya dan dua kali ganda lebih cenderung melanggar peraturan jalan raya berbanding pemandu wanita.

Pemandu lelaki lebih banyak melanggar lampu merah atau kuning, malah mereka juga memandu rapat dengan kenderaan lain di hadapan, berlumba haram, memandu di bawah pengaruh dadah, dan tidak

memakai tali pinggang keledar. Mereka lebih cenderung memandu untuk tujuan mencari sensasi iaitu untuk menunjuk-nunjuk kepada rakan sebaya dan orang ramai.

Mereka berasa puas kalau rakan sebaya nampak aksi mereka memandu dan suka menerima memuji. Mereka juga akan puas kalau orang ramai terpegung dengan cara pemanduan mereka

yang berbeza daripada orang lain. Untuk itu, pemandu lelaki mengubah suai motosikal atau kereta mereka supaya enjin bising, warna kereta cerah dan lantai kereta rendah hampir mencecah jalan, semua bertujuan mendapat perhatian orang yang melihat mereka. Pemilik kereta atau motosikal perempuan jarang mengubah suai kenderaan.

Pada masa depan, faktor sosial mungkin boleh mengubah kelakuan pemandu wanita. Kini bilangan

## FAKTA NOMBOR

**83** peratus

lelaki memandu laju

**17** peratus

wanita memandu laju



wanita berpendidikan tinggi dan berkerjaya semakin ramai. Akibatnya, ada kemungkinan mereka juga menjadi agresif ketika memandu seperti lelaki, misalnya untuk sampai ke tempat kerja atau ke mesyuarat pada masa yang dijadualkan.

Wanita tidak berjawatan tinggi, selalunya tidak agresif. Mereka le-



**Kereta terbabas dan terjunam ke dalam gaung.**



*Dua motosikal remuk selepas terlibat dalam kemalangan.*

bih menumpukan perkara yang B/H 8/8/12 MS29

dekat dengan mereka. Oleh itu, mereka berkecenderungan menukar lorong secara tiba-tiba dan membahayakan orang lain, membuat pusingan U secara tiba-tiba tanpa memikirkan akibatnya kepada orang lain, memberhentikan kereta secara tiba-tiba dan meletak kereta sesuka hati hingga menghalang laluan.

Wanita lebih bersifat sensitif dan penyibuk. Mereka juga lebih berm minat mendapatkan maklumat sensasi serta gosip berbanding lelaki. Akibatnya, apabila melalui kawasan baru terjadi kemalangan, perasaan ingin tahu melebihi lelaki sehingga menjejaskan lalu lintas dan mengganggu pemandu lain.

### **Sifat penting diri**

Secara lahiriah ramai wanita mempunyai sifat pelindung sesuai dengan sifat keibuan. Oleh itu, mungkin mereka pentingkan diri apabila berada di jalan raya, dan paling jelas tidak memberi laluan kepada pemandu lain. Mereka lebih bersikap berhati-hati, oleh itu, boleh jadi mereka bergerak perlahan di jalan raya yang tidak banyak kenderaan menyebabkan gangguan kepada pemandu lain.

Wanita kurang keinginan mencuba dan meningkatkan kemahiran memandu, selepas mendapat lesen memandu. Sebaliknya lelaki lebih rajin mencuba. Mereka lebih mudah bertanya kalau tersesat atau tidak dapat

mencari alamat ditujui. Mereka mungkin memberhentikan kereta secara tiba-tiba apabila terjumpa sesiapa saja dengan tujuan untuk bertanya. Perbuatan ini boleh menyebabkan kemalangan.

Wanita lebih suka menyuruh lelaki memandu. Akibatnya, oleh kerana yang memandu itu lelaki, maka risiko kemalangan menjadi lebih tinggi, terutama kalau lelaki itu masih muda dan agresif. Apabila kereta rosak, pemandu wanita lebih cenderung menunggu saja pertolongan sampai, tetapi pemandu lelaki akan cuba berbuat sesuatu yang mereka mampu. Ini menyusahkan dirinya, boleh menjadikan emosinya terganggu dan dengan itu mungkin menyebabkan dia kurang tumpuan ketika memandu.

Pemandu wanita kurang berpengetahuan dari segi penyelenggaraan kereta. Oleh itu, kalau rosak, mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Ini menyusahkan dirinya di jalan raya, dan boleh mengganggu emosinya. Apabila berlaku kemalangan, perempuan lebih cenderung berhujah berbanding lelaki. Akibatnya boleh menyebabkan pergaduhan besar jika mereka sesama perempuan, dan boleh mengubah emosi ketika memandu.